

21/07/1999

Putrajaya sebahagian ibu kota

ALOR STAR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak bercadang menjadikan pusat pentadbiran kerajaan yang baru di Putrajaya sebagai ibu negara menggantikan Kuala Lumpur.

Perdana Menteri berkata, sebagai pusat pentadbiran, Putrajaya adalah sebahagian daripada ibu negara, manakala Kuala Lumpur kekal sebagai ibu negara.

Katanya, kerajaan tidak menafikan fungsi Kuala Lumpur sebagai ibu negara yang mengikut sejarahnya dibuka Yap Ah Loy sebagai pusat perlombongan bijih timah.

"Kita tidak menafikan peranan Kuala Lumpur. Ia tumbuh daripada perkampungan perlombongan dan British memilihnya sebagai ibukota.

"Bukan pilihan kita sebenarnya, bukan pilihan rakyat Malaysia dan bukan pilihan Raja Melayu. Tak ada cadangan nak tukar.

"Itu (Kuala Lumpur) ibu kota komersil dan ini (Putrajaya) pentadbiran," katanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, dekat sini hari ini.

Terdahulu, di majlis perjumpaan dengan penduduk Kampung Jeragan, dekat Jitra, Dr Mahathir berkata Pas tidak sepatutnya melaungkan hasrat melelong Putrajaya kerana pusat pentadbiran itu adalah hak rakyat Malaysia.

Dr Mahathir merujuk kepada kenyataan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor yang dilaporkan berkata akan melelong Putrajaya jika berjaya membentuk Kerajaan.

Dr Mahathir berkata, Pas mengamalkan sifat dengki kepada pembangunan yang dilaksanakan Kerajaan Barisan Nasional (BN).

"Putrajaya adalah ibukota yang kita bina sendiri. Kita merdeka lebih 40 tahun dan selepas merdeka kita nak buat ibu kota sendiri untuk masa depan...untuk 100 dan 200 tahun akan datang," katanya.

"Ia adalah ibu kota yang kita bina sendiri khusus untuk bangsa Malaysia yang merdeka. Tiada kaitan dengan penjajah. Kita buat untuk rakyat," katanya.

(END)